

**SEMPENA MAJLIS PECAH TANAH PROJEK RUMAH MAMPU MILIK**  
23/02/2013

KAMPUNG GANGGARAK, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Yang Berhormat Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Zainal Abidin  
Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar;

Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung  
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan;

Yang Berhormat Dato' Seri Mohd Shafie Bin Hj. Apdal  
Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah;

Yang Berhormat Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal  
Ahli Parlimen Labuan merangkap Pengerusi Perbadanan Labuan;

Yang Berbahagia Dato' Adnan bin Hj. Md. Ikhsan  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar;

Yang Berbahagia Dato' Arpah Binti Abdul Razak  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;

YBhg. Datuk Seri Ahmad Phesal Bin Talib  
Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Isteri;

YBhg. Tan Sri Datuk Seri Dr. Aseh Che Mat  
Presiden Perbadanan Putrajaya dan Isteri;

Yg Berusaha Tn. Hj. Zainol bin Zainal Abidin  
Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan dan Isteri;

Yang Berhormat Datuk Wira Ir. Hj. Idris Bin Hj. Haron  
Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad;

Ketua-ketua jabatan, Ketua-ketua kampung, pihak media massa, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

لَسْلَامُهُ وَبَرَكَاتُ اللَّهِ وَرَحْمَةُ عَلَيْهِمْ أ

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita berkumpul pada hari ini dalam Majlis Pecah Tanah Projek Rumah Mampu Milik di Ganggarak Labuan. Di kesempatan ini juga ingin saya

merakamkan ucapan terima kasih kepada Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar yang telah menjemput saya untuk merasmikan majlis pecah tanah ini.

2. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang dapat hadir pada petang ini di majlis yang amat bermakna terutamanya kepada warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Y.Bhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

3. Sektor perumahan negara mempunyai peranan yang sangat penting bagi merealisasikan hasrat Malaysia mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sehubungan dengan hasrat ini, Kerajaan melalui Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah memberi penekanan khusus bagi meningkatkan keupayaan pemilikan perumahan golongan berpendapatan rendah melalui bidang-bidang yang disasarkan iaitu "Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isirumah Berpendapatan Rendah" dan "Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar".

4. Sehubungan dengan langkah-langkah di bawah GTP dan NKRA ini, agensi-agensi Kerajaan akan lebih aktif dalam memperinci dan mengorak strategi-strategi yang lebih bersepadu dan berkesan untuk menyediakan perumahan mampu milik kepada setiap peringkat rakyat Malaysia di kawasan bandar dan luar bandar.

5. Rentetan daripada itu, YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2013 turut memberi penekanan dalam penyediaan rumah mampu milik di mana beliau menyatakan bahawa "kerajaan sedar, perumahan selesa dan mampu milik adalah keperluan asas paling utama kepada rakyat". Maka, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Perbadanan Labuan, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan Syarikat Perumahan Negara Berhad telah berusaha untuk menjayakan projek rumah mampu milik di Labuan.

6. Seperti mana yang telah dimaklumkan oleh YB Dato' Raja Nong Chik, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dasar Rumah Mampu Milik Di Wilayah Persekutuan telah berada di proses akhir bagi memuktamadkannya.

7. Dasar ini merupakan satu panduan kepada pelbagai pihak membabitkan pihak berkuasa tempatan di Wilayah Persekutuan, pemaju-pemaju serta orang ramai berkenaan pelaksanaan pembinaan rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan.

8. Dasar ini merupakan bukti bahawasanya Kerajaan komited bagi merealisasikan kandungan bajet 2013 iaitu Perumahan Untuk Rakyat.

Y.Bhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

9. Hasil lawatan saya pada 30 Oktober 2012 yang lalu, saya telah menjanjikan untuk membina 1,000 unit rumah mampu milik di Labuan. Tindakan segera telah diambil oleh Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar untuk menggerakkan usaha bagi merealisasikan janji saya itu.

10. Melalui pendekatan Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy), Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar, Perbadanan Labuan telah bekerjasama dengan Jabatan Perumahan Negara dan Syarikat Perumahan Negara Berhad untuk membolehkan rumah mampu milik dibina di atas tanah seluas 41.56 ekar di Kampung Ganggarak ini. Hasil perbincangan ini, lebih daripada 1,000 unit yang saya janjikan akan dibina untuk keperluan penduduk Labuan.

11. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perumahan Negara juga telah bersetuju untuk membina 500 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Kampung Ganggarak. Ini adalah sebahagian daripada 20,454 unit PPR yang telah diluluskan pelaksanaannya di seluruh negara oleh YAB Perdana Menteri melalui pembentangan Bajet 2013.

12. Pembinaan PPR di Kg. Ganggarak ini akan dibuat dalam bentuk rumah pangsa 5 tingkat dengan keluasan rumah 700 kaki persegi. Saya percaya harga yang akan ditawarkan nanti mampu ditanggung oleh warga Labuan walaupun kos pembinaan perumahan di sini agak tinggi.

13. Selain daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Syarikat Perumahan Negara Berhad juga terlibat, dengan pembinaan rumah mampu milik di kawasan ini. Syarikat Perumahan Negara Berhad menawarkan dua jenis rumah mampu milik iaitu pertama; rumah teres kos sederhana 2 tingkat manakala kedua; ialah rumah apartmen berkeluasan 950 kaki persegi. Cadangan harga bagi rumah-rumah tersebut adalah dalam lingkungan RM250,000 bagi rumah teres manakala RM150,000 bagi rumah apartmen.

Y.Bhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

14. Penglibatan Syarikat Perumahan Negara Berhad bukanlah kali pertama di Labuan kerana sebelum ini syarikat berkenaan pernah terlibat dengan projek-projek perumahan di Taman Mahkota Impian, Taman Ranche-Ranche dan Taman Mutiara Labuan. Untuk makluman, Syarikat Perumahan Negara Berhad adalah salah sebuah syarikat yang telah membuktikan mereka berjaya membangunkan rumah mampu milik di seluruh Malaysia.

15. Jabatan Perumahan Negara pula, sangat efektif di dalam pembangunan rumah harga rendah di seluruh Malaysia. Kemampuan dan kepakaran kedua-dua pihak ini adalah diharapkan dapat membangunkan projek rumah mampu milik ini mengikut spesifikasi, piawaian dan masa yang telah ditetapkan. Disamping itu, kerajaan juga menekankan kualiti rumah yang dibina diutamakan khususnya bagi keselesaan kepada pembeli-pembeli yang terdiri daripada warga Labuan.

16. Kerajaan yakin siapnya projek rumah mampu milik di Ganggarak ini akan membantu penduduk Labuan memiliki rumah sendiri yang selesa, berkualiti dan persekitaran yang kondusif dan yang paling penting, mampu dimiliki.

17. Bagi warga Wilayah Persekutuan Labuan, saya berharap supaya bersedia untuk mengambil peluang memiliki rumah mampu milik yang akan dibina di Ganggarak ini. Kerajaan juga akan mempertimbangkan projek-projek yang seumpama ini untuk dibangunkan di tempat-tempat lain di Labuan bagi memenuhi permintaan rakyat di Labuan.

Y.Bhg. Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

18. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Perbadanan Labuan, Jabatan Perumahan Negara dan Syarikat Perumahan Negara yang telah bekerjasama dan berusaha menjayakan projek rumah mampu milik di Wilayah Persekutuan Labuan ini.

19. Akhir kata dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Pecah Tanah Projek Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan Labuan di Kg. Ganggarak.